

Kastam gagalkan kiriman bunga ganja bernilai RM1.4 juta

KUANTAN – Cubaan sindiket menyeludup bunga ganja bernilai RM1.4 juta dalam bungkusan baju dan sarung bantal ke luar negara melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), gagal apabila taktik itu berjaya dihidu pihak berkuasa pada 5 Mei lalu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd Asri Seman berkata, rampasan membabitkan tiga kes berasingan hasil pemeriksaan terperinci terhadap bungkusan disyiharkan sebagai barangan rumah dan pakaian melalui perkhidmatan kurier di Pusat Mel dan Kurier KLIA.

Menurutnya, bagi kes pertama, JKDM Temerloh dengan kerjasama Bahagian Perkastaman KLIA menemui bungkusan mengandungi bahan organik disyaki bunga ganja seberat 6,200 gram.

"Dadah disorok dalam sarung bantal dan nilai rampasan bagi kes ini dianggarkan berjumlah RM666,400.

"Kes kedua pula membabitkan JKDM Bentong yang menerima serahan dan pemeriksaan menemui 3,200 gram bunga ganja disembunyikan dalam baju dengan nilai rampasan dianggarkan RM313,600," katanya ketika sidang akhbar di Wisma Kastam Sultan Ahmad Shah, Indera Mahkota, di sini, pada Isnin.

Mohd Asri berkata, kes ketiga



Mohd Asri (kanan) menunjukkan sarung bantal digunakan untuk mengisi bunga ganja.

membabitkan JKDM Kuantan yang turut menerima serahan kes pada hari sama sekitar jam 3.30 petang.

Jelasnya, pemeriksaan mendapati bungkusan tersebut mengandungi 4,340 gram bunga ganja disorok dalam baju bernilai RM425,320.

"Siasatan awal mendapati, ketiga-tiga kes ini berkemungkinan mempunyai kaitan dengan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa yang menggunakan perkhidmatan kurier tempatan untuk menghantar dadah ke luar negara.

"Modus operandi sindiket ini

adalah menggunakan kurier dari dalam negara iaitu dua dari Terengganu dan satu dari Selangor sebelum dihantar ke pusat kurier di KLIA.

"Barangan ini dikenal pasti dihantar ke tiga alamat berbeza, namun semuanya bertujuan untuk dieksport ke luar negara," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sehubungan itu, Mohd Asri mengingatkan orang ramai supaya tidak terlibat dalam sebarang aktiviti penyeludupan yang menyalahi undang-undang.